



KERATAN AKHBAR
16 February 2016

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	LZS sasar kutipan RM645j
Muka Surat	:	29

LZS sasar kutipan RM645j

» **Faktor kesedaran keluaran zakat semakin meningkat**

Oleh **Ahmad Fadzly Esa**
 bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyasarkan kutipan dan agihan zakat sebanyak RM645 juta pada tahun ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Datuk Mohamad Adzib Mohd, berkata sasaran itu dibuat selepas mengambil kira faktor kesedaran mengeluarkan zakat yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat serta peningkatan bilangan golongan asnaf saban tahun.

“Kutipan zakat tahun ini lebih mencabar berbanding tahun sebelumnya. Jumlah keseluruhan fakir dan miskin pada 2015 adalah seramai



Mohamad Adzib bersama Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor (LZS), Abdul Basith Hamid (kiri) menunjukkan replika prestasi kutipan dan agihan zakat Selangor di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. [FOTO NAZRAN JAMEL/BH]

44,293 keluarga,” katanya kepada pemberita pada sidang media pengumuman prestasi kutipan dan agihan zakat negeri Selangor di Bangunan Sultan Idris Shah, di sini, semalam.

Penerima meningkat

Mohamad Adzib berkata, daripada jumlah itu, bilangan as-

naf fakir yang menerima bantuan adalah seramai 13,138 keluarga, manakala bagi asnaf miskin, seramai 31,155 keluarga diberikan zakat berbanding 30,048 keluarga pada tahun sebelumnya.

Mohamad Adzib berkata, LZS mengutip sebanyak RM626.6 juta pada 2015 yang menunjukkan peningkatan

berbanding kutipan RM582.3 juta pada 2014.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM605.2 juta adalah kutipan zakat harta, manakala RM21.5 juta daripada zakat fitrah,” katanya.

Buka dua cawangan

Beliau berkata, jumlah pengeluaran zakat harta bagi 2015 pula adalah seramai 256,540 orang, meningkat tiga peratus berbanding 248,013 orang pada tahun sebelumnya.

Katanya, bagi agihan wang zakat, sebanyak RM676.3 juta diagihkan kepada asnaf pada 2015, meningkat sebanyak 14 peratus berbanding RM595.7 juta pada tahun sebelumnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad Adzib berkata LZS sudah membuka dua cawangan di Klang dan Cyberjaya, menjadikan sebanyak 28 cawangan sudah dibuka di seluruh Selangor.

Pada masa sama, katanya, sebuah pusat dialisis MAIS dengan kerjasama antara LZS dan Yayasan Darul Ehsan (YI-DE) dijangka akan beroperasi pada April ini bertempat di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong di sini.